

**Bersih 3.0: Bantahan Terhadap Permohonan Anwar Didengar 13 Sept
Bernama
3 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Mahkamah Sesyen menetapkan 13 Sept depan untuk mendengar bantahan pendakwaan terhadap permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ingin merujuk satu persoalan perundangan ke Mahkamah Tinggi berhubung tiga pertuduhan berkaitan perhimpunan Bersih 3.0.

Hakim Mahmud Abdullah menetapkan tarikh itu selepas Timbalan Pendakwa Raya Abdul Wahab Mohamad memberitahu mahkamah pihaknya hanya dimaklumkan pagi Isnin mengenai permohonan peguam Karpal Singh yang mewakili Anwar dan memerlukan masa untuk menelitinya.

"Walaupun pihak pendakwaan telah bersedia untuk kemukakan bantahan awal berhubung dua permohonan Anwar bagi membatalkan pertuduhan terhadapnya, tetapi perlu berhujah terlebih dahulu di Mahkamah Sesyen mengenai permohonan ini (isu perundangan)," kata Abdul Wahab.

Beliau berkata pembelaan juga perlu memberi penjelasan berhubung permohonan itu dan tindakan mereka memaklukkannya kepada pendakwaan pada saat-saat akhir kerana ia sedikit sebanyak memberi kesan terhadap hujahan yang ingin dikemukakan.

Mahkamah menetapkan pada Isnin untuk mendengar bantahan awal pendakwaan berhubung permohonan Anwar bagi menggugurkan ketiga-tiga pertuduhan terhadapnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691594>